



BAB SATU

Sebuah kisah yang berawal dari sebuah peristiwa yang terjadi di sebuah desa kecil di Jawa Tengah. Dalam desa tersebut, ada seorang bapak petani yang bernama Pak Sugih. Pak Sugih adalah seorang yang sangat teliti dan bijaksana dalam urusan pertanian. Ia selalu memperhatikan setiap detail dalam tanaman yang dia budidayakan.

BAB 1.

PENGENALAN

1.0 Pendahuluan

Penilaian merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Ianya adalah satu aktiviti atau proses yang bersistematis bagi mendapatkan maklumat yang berguna bagi menentukan pencapaian sesuatu objektif pengajaran dan pembelajaran. (*Kamarudin Hj Husin, 1998:328*)

Penilaian boleh dibuat melalui soalan-soalan latihan dengan berpandukan buku teks atau soalan yang dibina sendiri oleh guru-guru mengikut kreativitinya serta bersesuaian dengan tahap kebolehan dan kemampuan pelajar.

Disertasi ini, merupakan satu kajian untuk mengenal pasti soalan-soalan latihan kemahiran menulis yang terdapat dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu, agar dapat membantu pelajar-pelajar dalam mempertingkatkan penguasaan bahasa Arab. Kajian ini dibuat melalui kajian lapangan dan kajian perpustakaan.

Semoga kajian yang dibuat ini, akan dapat mempertingkatkan prestasi pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Malaysia seterusnya dapat memperkembangkan lagi mutu pencapaian bahasa tersebut.

1.1 Pernyataan masalah

Dalam proses pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa kedua, persoalan yang selalu meniti di bibir pendidik atau sesiapa sahaja yang terlibat dengan pengajaran bahasa tersebut ialah pelajar yang terabit itu tidak mampu menguasainya dengan baik.

Permasalahan ini timbul kerana pelajar tidak dapat menguasai kemahiran-kemahiran yang diberikan dengan baik. Dalam pengajaran bahasa, terdapat empat kemahiran utama yang perlu dipelajari iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Kemahiran menulis adalah satu kemahiran yang penting dan perlu dikuasai oleh pelajar-pelajar. Ianya bukan sahaja dalam pembelajaran bahasa tetapi juga untuk mata-mata pelajaran yang lain. Ini kerana bahasa menjadi media untuk melahirkan buah fikiran. Menulis dianggap mustahak dalam apa bentuk sekalipun kerana ia dapat membantu meningkatkan pencapaian pelajar dalam pelajaran. Penguasaan kemahiran menulis di kalangan pelajar tidak terhad untuk jangka masa yang pendek sahaja,

bahkan berlanjutan sepanjang usia hidup mereka. (*Kamarudin Hj.Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 1997 : 1*)

Kemahiran menulis merupakan satu kemahiran yang sukar dan hanya dapat dikuasai melalui pengajaran. Guru mempunyai tanggung jawab yang besar dan memainkan peranan yang penting untuk pelajar mencapai dan memperolehi kemahiran menulis yang sempurna. Sikap guru, kesedaran betapa pentingnya kemahiran menulis dan perkaedahan yang sesuai yang digunakan oleh guru dalam mengajar menulis adalah penting dan mempengaruhi pencapaian pelajar dalam kemahiran tersebut. (*Kamarudin Hj.Husin & Siti Hajar Hj. Abdul Aziz, 1997 : 1-2*)

Penguasaan bahasa kedua berbeza dengan pembelajaran bahasa pertama. Penguasaan bahasa kedua dapat dikuasai melalui pembelajaran dan bukanlah didapati melalui pemerolehan. Ini dilakukan dalam keadaan yang lebih formal, memerlukan banyak latihan dan pengulangan hingga menjadi satu tabiat. (*Kamarudin bin Husin, 1998: 357*).

Dalam pembelajaran bahasa kedua juga, latihan dan latih tubi yang kerap dan banyak tidak boleh diabaikan. Oleh kerana kemahiran bahasa merupakan satu kebiasaan, maka ia perlu kepada latihan yang berulang-ulang dan banyak. Latihan yang banyak dan mencukupi akan dapat membantu pelajar menguasai kemahiran bahasa.

Latihan merupakan suatu perkara yang amat penting kerana tanpanya kita tidak dapat mengukur sejauh mana sesuatu pembelajaran itu telah diresapi dan difahami oleh pelajar.

Dalam mengendalikan latihan, guru-guru bahasa Arab perlu mengetahui kemahiran-kemahiran dalam, keempat-empat aspek bahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Terdapat dua perkara penting yang perlu diberi penekanan semasa menyediakan latihan / pengukuhan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab. Latihan / pengukuhan ini boleh disediakan dalam bentuk lisan atau tulisan. (*Mahmood Fahmi Hijazi, 1991: 21 & 22*)

Memandangkan buku teks merupakan suatu faktor penentu kepada tahap penguasaan pelajar terhadap bahasa Arab, maka satu kajian dan penilaian terhadap soalan-soalan latihan kemahiran menulis yang terdapat di dalamnya perlulah dibuat untuk mengenal pasti sejauh mana kepentingannya dan keberkesanannya dalam membantu mempertingkatkan penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar.

Buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu menjadi pilihan penulis di dalam kajian ini kerana didapati bentuk-bentuk soalan kemahiran menulis di dalamnya kurang merangsang motivasi pelajar dalam meningkatkan minat mereka untuk mempelajari bahasa Arab. Latihan yang pelbagai bentuk persembahannya akan dapat merangsang

minat mereka untuk menguasai bahasa tersebut di mana kepandaian pelajar dalam kemahiran menulis boleh ditingkatkan melalui permainan bahasa.

1.2 Hipotesis

Kelemahan-kelemahan pelajar dalam kemahiran menulis berkait rapat dengan isi persembahan, iaitu aktiviti atau latihan-latihan yang terdapat di dalam buku teks tersebut. Oleh itu iaanya dapat di atasi melalui permainan bahasa dan bentuk latihan yang dipelbagaikan.

1.3 Objektif kajian

Kajian yang dibuat ini mempunyai objektifnya yang tersendiri. Secara khususnya adalah untuk melihat aspek-aspek berikut;

- i. menilai soalan latihan yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu dari aspek kemahiran menulis. Ini kerana soalan-soalan yang terdapat di dalam buku teks tersebut belum begitu menyeluruh dan tidak dipelbagaikan persembahannya.
- ii. memaparkan pengertian kemahiran menulis serta kaedah pengajaran dan pembelajaran supaya dapat memahami dengan

lebih mendalam pengertian sebenar kemahiran dan kaedah tersebut.

- iii. menentukan latihan yang sesuai untuk peningkatan penguasaan bahasa Arab di peringkat awal. Ini bertujuan untuk memastikan latihan-latihan yang disediakan dapat menarik minat pelajar untuk menguasai bahasa Arab.
- iv. menentukan kesesuaian di antara latihan, pencapaian pelajar dan sasaran yang ingin dicapai agar objektif pengajaran dan pembelajaran selari dengan kemampuan pelajar tingkatan satu khususnya.
- v. mengetahui tahap penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar Melayu khususnya di tingkatan satu.
- vi. mewujudkan kesinambungan di antara kaedah pengajaran dengan pembelajaran serta latihan yang terdapat dalam buku teks.

1.4 Batasan kajian

Kajian ini merupakan satu pemerhatian untuk mengenal pasti sejauh mana pelajar dapat menguasai bahasa Arab, melalui latihan-latihan yang terdapat dalam buku teks. Kajian ini dibuat melalui;

- i. analisis soalan-soalan latihan kemahiran menulis yang terdapat dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu.
- ii. analisis satu kemahiran bahasa sahaja iaitu kemahiran menulis.
- iii. penilaian bentuk-bentuk latihan kemahiran menulis yang sesuai untuk membantu penguasaan bahasa Arab di kalangan pelajar.

Kajian ini dibuat di dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Sungai Pusu dan Sekolah Menengah Kebangsaan Gombak Setia di Negeri Selangor. Ianya juga melibatkan sepuluh orang guru yang mengajar bahasa Arab di tingkatan satu dan lima puluh orang pelajar dijadikan sampel dalam kajian ini.

Penulis mengadakan latihan kemahiran menulis kepada pelajar-pelajar tingkatan satu di dua buah sekolah berkenaan. Pelajar-pelajar tingkatan satu ini dipilih sebagai sampel kajian kerana mereka baru mempelajari bahasa Arab dengan tujuan untuk melihat sejauh mana mereka dapat menguasai kemahiran menulis melalui latihan-latihan yang diberikan. Ini juga bertujuan untuk melihat keberkesanan latihan-latihan kemahiran menulis yang mampu menarik minat pelajar untuk mempelajari bahasa Arab secara mendalam.

1.5 Kepentingan kajian

Kajian yang dibuat ini diharapkan agar dapat menghasilkan beberapa natijah yang baik untuk diberi perhatian oleh semua pihak yang terlibat. Antaranya ialah;

- i. pelajar : agar mereka dapat menguasai bahasa Arab dengan baik melalui latihan-latihan kemahiran menulis yang sesuai dan berkesan seterusnya boleh meningkatkan motivasi mereka untuk mempelajarinya dengan lebih mendalam.
- ii. guru dan tenaga pengajar bahasa Arab: agar mereka dapat memastikan setiap latihan yang dibina mempunyai kaitan yang rapat dengan objektif pengajaran dan dapat membantu pelajar-pelajar menguasai bahasa Arab, khususnya dalam aspek kemahiran menulis. Kajian ini juga akan mengemukakan cadangan kepada guru bahasa Arab mengenai bentuk-bentuk latihan kemahiran menulis yang dapat menarik minat pelajar untuk mempelajarinya.
- iii. penggubal sukatan : terutamanya dalam pemilihan soalan latihan menulis bahasa Arab yang sesuai untuk pelajar-pelajar tingkatan satu
- iv. penggubal buku teks : agar memilih soalan latihan bahasa Arab yang sesuai dan bersepadu dalam buku teks tingkatan satu.

- v. penggubal soalan : agar mereka dapat membuat pemilihan soalan latihan kemahiran menulis yang sesuai dengan kebolehan pelajar tingkatan satu.
- vi. menjadi bahan ilmiah dan rujukan kepada pencinta bahasa Arab dan pengkaji-pengkaji akan datang.

1.6 Definisi konsep

Tajuk disertasi ini ialah : **Soalan-Soalan Kemahiran Menulis Di Dalam Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi : Satu Kajian Kes**

1.6.1 Soalan-soalan kemahiran menulis

Soalan menurut Kamus Perdana (2000: 1541) ialah sesuatu yang ditanya. Manakala Teuku Iskandar (1970;1119) memperluaskan maknanya iaitu sesuatu yang ditanya (di dalam peperiksaan dan lain-lain).

Menurut Kamus Dewan (1970:699) dan Kamus Perdana (2000:973) **kemahiran** ialah kecekapan atau kepandaian.

Menulis ialah perbuatan atau hal menulis. (Cheng Song Huat & Lai Choy-2000:1752)

Teuku Iskandar (1970:1289) telah menyatakan maknanya iaitu mencatit kata-kata dengan huruf dan memakai pena (kalam, kapur, pensel dan lain-lain)

Soalan-soalan kemahiran menulis yang dikehendaki oleh penulis ialah soalan-soalan latihan kemahiran menulis yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu, di mana kemahiran *menulis merupakan salah satu daripada kemahiran bahasa yang utama*. Pelajar-pelajar akan dapat menguasai kecekapan bahasa Arab melalui tulisan dalam bentuk yang baik dan sempurna.

1.6.2 Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi.

Buku teks merupakan bahan pengajaran dan pembelajaran yang menyediakan bahan untuk disesuaikan dengan pengajaran dan pembelajaran di bilik darjah, di mana satu ciri penting bagi buku teks ialah maklumat atau bahan yang disediakan boleh dipercayai. (*Haji Abdul Rafie bin Haji Mahat, 2000:1*)

Buku teks Bahasa Arab adalah antara bahan pengajaran dan pembelajaran yang paling dominan dan sering digunakan sebagai sumber pemerolehan ilmu sejak sistem pendidikan formal Bahasa Arab dijalankan di sekolah. Buku teks Bahasa Arab merupakan buku khusus yang digunakan untuk menyampaikan pelbagai pengetahuan dan kemahiran bahasa Arab.

Buku teks Bahasa Arab Komunikasi dijelmakan untuk memenuhi hasrat Falsafah Pendidikan Islam dan menterjemahkan kehendak sukanan pelajaran (SP) dan huraihan sukanan pelajaran (HSP) dalam bentuk bahan pengajaran. Matlamat pengajaran Bahasa Arab Komunikasi adalah untuk membolehkan pelajar menguasai dan menggunakan kemahiran-kemahiran berbahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

Buku teks Bahasa Arab Komunikasi yang dikaji oleh penulis ialah buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu di mana iaanya ditulis oleh tiga orang penulis iaitu Syed Omar bin Syed Mohammad al Saqoff, Mohammad Khalil bin Syeikh Ahmad dan Mohammad Abd Rahim bin Mohammad Abd Rahman, diterbitkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1994 dengan nombor pendaftaran ISBN 983-62-4158-2.

Buku ini mengandungi 247 mukasurat bercetak, mengandungi pendahuluan yang membantu dalam mengetahui bentuk buku serta cara penggunaannya dan daftar isi kandungan yang umum tentang tajuk-tajuk yang dimasukkan ke dalam 20 tajuk berkaitan dengan situasi kehidupan harian dan penekanan kepada empat kemahiran berbahasa iaitu kemahiran mendengar, bertutur, membaca dan menulis.

1.6.3 Satu Kajian Kes

Kajian dan analisis yang dijalankan dalam penyelidikan ini adalah mengenai;

- i. bentuk-bentuk soalan latihan yang berkaitan dengan kemahiran menulis.
- ii. keberkesanan soalan latihan yang telah disediakan di dalam buku teks.
- iii. penguasaan pelajar terhadap sampel soalan yang digubal oleh penulis.
- iv. soal selidik guru-guru bahasa Arab mengenai kaedah pengajaran dan pembelajaran yang dijalankan, keberkesanan buku teks serta kemampuan pelajar.

Kesimpulannya penulis mengkaji soalan-soalan latihan yang terdapat di dalam buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu. Penulis memfokuskan kajiannya kepada satu kemahiran sahaja iaitu kemahiran menulis

Penulis juga menganalisa bilangan soalan latihan kemahiran menulis dan bentuk-bentuknya yang terdapat di dalam buku teks tersebut. Di samping itu, markah yang diperolehi daripada latihan-latihan kemahiran menulis yang telah diuji kepada pelajar akan dianalisa. Manakala maklumat yang diperolehi daripada soal selidik guru juga dapat membantu penulis dalam memantapkan lagi kajian, khususnya peningkatan pelajar dalam kemahiran menulis.